



SIARAN AKHBAR

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 11 NEGARA TERATAS DI DALAM ISLAMIC FINANCE DEVELOPMENT INDICATORS (IFDI) 2020

1. Industri kewangan Islam global terus berkembang walaupun menghadapi beberapa cabaran. Menurut laporan ICD-Refinitiv Islamic Finance Development Report 2020: Progressing Through Adversity, Negara Brunei Darussalam telah meraih tempat kesebelas daripada 135 negara bagi perkembangan industry kewangan Islam secara menyeluruh. Laporan yang mengambil kira data bagi tahun 2019 ini juga telah melaporkan bahawa Negara Brunei Darussalam telah mendapat 36 mata bagi penunjuk perkembangan kewangan Islam ataupun Islamic Finance Development Indicator (IFDI), berbanding dengan nilai penunjuk purata global iaitu 10.8 mata.
2. Industri kewangan Islam global telah meningkat 14.4% tahun-ke-tahun dengan jumlah aset sebanyak US\$ 2.9 trilion pada tahun 2019. Laporan tersebut juga meramalkan potensi aset industri kewangan Islam untuk terus meningkat sebanyak US\$ 3.7 trilion menjelang tahun 2024. Perbankan Islam adalah segmen terbesar dalam aset kewangan Islam bagi tahun 2019, iaitu sebanyak 69%; diikuti oleh Sukuk dengan 19%; institusi kewangan Islam lain (OIFI) dengan 5%; dana Islam dengan 5%; dan Takaful dengan 2%.
3. IFDI menyediakan kedudukan dan profil untuk pelbagai pasaran kewangan Islam global berdasarkan lima penunjuk utama iaitu Pembangunan Kuantitatif (Perbankan Islam, Takaful, OIFI, Sukuk dan Dana Islam); Pengetahuan (Pendidikan dan Penyelidikan); Tadbir Urus (Peraturan, Tadbir Urus Syariah dan Tadbir Urus Korporat); Tanggungjawab Sosial Korporat, ataupun CSR (Aktiviti CSR dan Dana Pembiayaan CSR); dan Kesedaran (Seminar, Laporan dan Persidangan). Malaysia, Indonesia dan Bahrain meraih kedudukan tiga tangga teratas pasaran kewangan Islam bagi perkembangan secara keseluruhan.
4. Pada tahun 2019, Negara Brunei Darussalam menduduki tempat teratas bagi nisbah aset Takaful kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu sebanyak 1.12% – jumlah terbesar berbanding negara-negara lain. Negara Brunei Darussalam juga menduduki tempat keempat dengan 57% bagi jumlah sumbangan aset perbankan Islam kepada jumlah aset perbankan secara menyeluruh.
5. Dari segi pertumbuhan aset lain, Negara Brunei Darussalam juga telah dilaporkan sebagai pasaran aset Sukuk yang paling cepat berkembang. Laporan tersebut juga

menunjukkan Negara Brunei Darussalam sebagai 10 negara teratas dalam aset OIFI yang bernilai sekitar US\$ 2 bilion.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 5 Syaaban 1442 / 19 Mac 2021

Ruj: AMBD/COMMS/3